# MEMO
## BAHAGIAN RAWATAN, PERUBATAN DAN PEMULIHAN
## AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
## KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**Rujukan Kami : AADK 100-12/1/8 (30)** **Tarikh : 8 September 2021**

| | | |
|---|---|---|
| **KEPADA** | : | **SENARAI EDARAN** |
| **DARIPADA** | : | **PENGARAH RAWATAN, PERUBATAN DAN PEMULIHAN** |
| **SALINAN KEPADA** | : | **KETUA PENGARAH**<br>**TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)**<br>**TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)** |
| **PERKARA** | : | **JEMPUTAN SEBAGAI PEMBENTANG SIDANG *PLENARY* DI SIMPOSIUM JAWATANKUASA PEMULIHAN DADAH DAERAH (JKPD) DAN HARI KEPULIHAN AADK PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2021** |

Tuan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, Bahagian Rawatan, Perubatan dan Pemulihan (BRPP) akan menganjurkan **Simposium JKPD dan Hari Kepulihan AADK Peringkat Kebangsaan Tahun 2021** akan diadakan seperti ketetapan berikut :

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | **22 - 23hb September 2021 (Rabu – Khamis)** |
| **Masa** | : | **8.30 pagi – 4.30 petang** |
| **Tempat** | : | **Aplikasi CloudExpo Virtual Event Platform** |

3. Untuk makluman pihak tuan, simposium ini adalah sebagai platform perkongsian ilmu dan kepakaran oleh pakar-pakar pendekatan amalan terbaik rawatan dan pemulihan dalam kalangan pegawai AADK, Badan Bukan Kerajaan (NGO), JKPD dan Ahli Lembaga Pelawat (ALP). Disamping itu, medium ini juga dapat mengumpulkan klien dan bekas klien bersolidariti dalam mengekalkan kepulihan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan adalah **dijemput sebagai Pembentang Sidang *Plenary*** yang akan dilaksanakan secara atas talian pada **22 September 2021 (Rabu)**. Butiran pembentangan adalah seperti di **Lampiran A**. Bagi tujuan penyelarasan, satu perbincangan persediaan akan diadakan pada **15 September 2021 (Rabu) pada jam 9.30 pagi** secara atas talian.

**Rujukan Kami : AADK 100-12/1/8 (30)**

5. Bersama-sama ini disertakan tentatif program seperti di **Lampiran B** untuk makluman dan perhatian pihak tuan jua. Dimohon juga Pengarah Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang berkaitan untuk menyelaras ***Speaker*** **Pembentang Sidang** ***Plenary*** bagi JKPD mengikut zon dan ALP yang berkaitan.

6. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh berhubung terus dengan pegawai seperti di bawah :

**6.1 Puan Noor Azrimah binti Ahmad (azrimah@adk.gov.my)**
**: 03-8911 2439**
**6.2 Cik Subaini binti Mohd Farid (subaini@adk.gov.my)**
**: 03-8911 2440**
**6.3 Puan Nurul Ain binti Abdul Halim (nurulain@adk.gov.my)**
**: 03-8911 2450**

Kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**(SITI MARIAM BT MURSIDAN)**